

Munakahat Issues Among People With Hearing Disability

Azman Ab Rahman

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM
Email: azman@usim.edu.my

NorFatimah Amlin Ab Ghani

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM
Email: amlinfatihah@gmail.com

Mohamad Anwar Zakaria

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM
Email: anwarzakaria8055@gmail.com

Mursyid Junaidi Mohd Faisal Yeap

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM
Email: mursyidjunaidi@yahoo.com

Abstrak

Perkahwinan merupakan sunnah Nabi Muhammad SAW dan anugerah yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia bagi meneruskan kelangsungan manusia di muka bumi ini. Setiap manusia mempunyai fitrah untuk hidup berpasangan tanpa mengira golongan normal atau OKU fizikal mahu pun mental. Bagi OKU Pendengaran, terdapat beberapa isu berkaitan perkahwinan yang dihadapi oleh mereka seperti isu akad nikah, taklik, cerai, rujuk dan sebagainya. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti isu-isu munakahat dalam kalangan OKU pendengaran. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan tentang hukum dan penyelesaian bagi masalah tersebut. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah perpustakaan, dokumentasi dan temubual bagi mendapatkan data berkaitan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat lima isu berkaitan akad nikah, taklik, cerai dan rujuk yang mempunyai hukum yang tersendiri berdasarkan situasi OKU pendengaran. Setiap isu memberi kesan-kesan yang besar terhadap golongan OKU pendengaran sekiranya tidak dijelaskan dengan baik. Hal ini terjadi disebabkan oleh kurangnya perbincangan berkaitan golongan OKU pendengaran terutamanya dalam isu munakahat. Kajian lanjutan tentang isu-isu dalam kalangan OKU pendengaran dari aspek muamalat, ibadat dan jenayah perlu dijalankan bagi membantu golongan ini memahami isu-isu tersebut dengan lebih baik dan mendalam.

Kata kunci: Isu, Munakahat, Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran

Abstract

Marriage is the sunnah of the Prophet Muhammad and the gift given by Allah SWT to all mankind for the continuation of human existence on Earth. Every human being has a desire to live with their partner and in pairs regardless of whether a normal human being nor for the lack of physically or mentally. For people with hearing disability, there are variety of marriage issues related to solemnization, divorce, taklik, rujuk and so on. Therefore, the objective of this study is to identify the marriage issues among people with hearing disability. In addition, this study aims to shed light on the law and its solution to the problems. The methodology of this study is qualitative in nature by using library methods, documentation and interviews to obtain data related to the study. The results showed that there were five issues related to marriage, taklik, divorce and rujuk, which had their own laws based on the situation of the hearing impaired. Each issue has significant effects on the hearing impaired if everything not explained thoroughly. This is due to the lack of discussion regarding the issue among hearing impaired especially in the munakahat. Further study on issues among the hearing impaired in terms of muamalat, ibadat and crime should be conducted to help the hearing impaired get better and deeper understanding on these issues.

Keywords: Issue, *Munakahat*, People with Hearing Disability

Article Progress
Received: 24 January 2020
Revised: 10 February 2020
Accepted: 3 March 2020

1. PENDAHULUAN

Perkahwinan merupakan satu perkara yang akan dilalui oleh masyarakat tidak kira sama ada golongan normal atau orang kurang upaya (OKU). Menurut ajaran Islam, akad nikah amat penting dalam menentukan kesahan sesebuah perkahwinan. Akad nikah menghalalkan pergaulan antara lelaki dan wanita yang diharamkan sebelumnya. Allah SWT berfirman dalam surah an-Nur ayat 32:

وَأَنْكِحُوا الْأَيْمَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ إِنْ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَسِعَ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Dan kahwinkanlah orang bujang (lelaki dan perempuan) dalam kalangan kamu, dan orang yang soleh daripada hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya kerana Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui”.

Ayat tersebut menerangkan tentang keharusan berkahwin bagi lelaki dan perempuan yang mampu (Mustafa Bugha, 1967). Selain itu, berkahwin merupakan salah satu cara untuk mengelakkan penzinaan dari berlaku. Tujuan perkahwinan adalah untuk memenuhi tuntutan fitrah, mengikuti sunnah Rasulullah SAW, menghindari maksiat dan mendapatkan zuriat bagi meneruskan keturunan seseorang.

Firman Allah SWT dalam surah Ar-Rum ayat 21 menerangkan tentang matlamat perkahwinan sebagaimana berikut:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikan-Nya di antara Kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan orang yang berfikir.”

Pasangan suami isteri perlu memahami tanggungjawabnya dalam memastikan rumah tangga harmoni dan bahagia. Selain daripada ilmu rumah tangga, suami isteri perlu mengetahui hak masing-masing termasuklah talak, rujuk, taklik dan poligami. Perkahwinan meliputi ilmu tentang hidup berpasangan yang membolehkan seseorang itu menuntut hak mereka secara adil memandangkan perkahwinan melibatkan dua individu yang menjalani kehidupan bersama. Islam menjelaskan dengan terperinci setiap hak individu selepas berkahwin dengan jelas di dalam al-Quran dan al-Hadis seperti cerai, taklik, poligami dan rujuk. Hal ini adalah bertujuan bagi memastikan hak setiap individu terpelihara dengan adil dan selaras dengan *al-maqāsid al-syar'iyah*.

Islam adalah agama yang adil dan saksama. Oleh itu, Islam tidak mengenyakan kepentingan dan hak OKU malah memberikan ganjaran dan kelebihan kepada golongan ini dalam semua aspek termasuk munakahat. OKU adalah seseorang yang mempunyai kecacatan atau kekurangan dari segi anggota atau pancaindera yang menjadikannya kurang berkemampuan dari segi fizikal dalam melaksanakan tugas-tugas dan aktiviti seperti orang normal. OKU terbahagi kepada beberapa jenis iaitu OKU pendengaran, OKU pertuturan, OKU penglihatan dan OKU anggota (Azman et.al, 2016).

Golongan OKU pendengaran termasuk dalam kategori golongan orang yang cacat dari segi pancaindera kerana mereka tidak mampu mendengar sebarang bunyi mahupun percakapan. Golongan ini juga mempunyai kesukaran dalam bertutur dan mereka menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan masyarakat normal dan golongan yang sama dengan mereka.

2. PERKAHWINAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) PENDENGARAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Sebagai manusia biasa, keinginan untuk berkahwin hadir secara tabii dan semula jadi. Begitu jugalah bagi golongan OKU yang sememangnya mempunyai hasrat yang sama. Tidak kira golongan normal ataupun golongan OKU, Islam menjadikan perkahwinan sebagai ibadah dan semestinya diberikan ganjaran yang besar buat mereka yang melakukannya (Azman, 2016).

Ulama terdahulu telah membincangkan beberapa keadaan yang boleh memberikan kesan kepada akad perkahwinan. Salah satu daripada keadaan tersebut ialah kekurangan atau keaiban yang boleh menghalang tujuan sebenar akad perkahwinan, iaitu persetubuhan (Azman, 2016). Antara aib atau penyakit yang menghalang persetubuhan adalah seperti penyakit *al-Jabb* (zakar terpotong), *al-'Unnah* (mati pucuk), *al-Khisa'* (mengkasi), *al-Ratq* (lubang vagina tersumbat dengan daging), *al-Qarn* (lubang vagina tersumbat dengan tulang) atau penyakit-penyakit lain yang boleh menghalang persetubuhan antara suami dan isteri.

Berdasarkan penyakit-penyakit tersebut, jelaslah bahawa kekurangan yang dialami oleh OKU pendengaran tidak diklasifikasikan sebagai halangan yang boleh menghalang seseorang OKU pendengaran daripada berkahwin. Hal ini kerana, kekurangan yang dialami oleh mereka yang pekak tidak menghalang mereka daripada bersetubuh dan merasai nikmat-nikmat perkahwinan yang lain. Oleh itu, kekurangan dan kecacatan anggota atau pancaindera seorang OKU pendengaran tidak termasuk dalam perkara-perkara yang boleh mengharuskan perceraian antara pasangan yang berkahwin. Bahkan sebahagian perbincangan dalam ilmu fiqh munakahat ianya melibatkan golongan OKU contohnya berkenaan tatacara ijab dan kabul bagi mereka yang tidak boleh menuturkan dengan mulut.

Secara keseluruhannya, hukum perkahwinan antara orang normal dengan OKU pendengaran adalah sama iaitu harus dan digalakkan dalam Islam sekiranya individu tersebut mampu untuk berkahwin. Namun terdapat perbezaan kecil antara perkahwinan orang normal dan OKU pendengaran iaitu perbezaan dari segi penyampaian akad nikah dan taklik yang dinyatakan melalui bahasa isyarat dan bukan melalui lisan. Hal ini kerana, OKU pendengaran tidak mampu bertutur seperti orang normal dan pertuturan mereka mungkin tidak jelas.

Walaupun perkahwinan OKU dengan orang normal hampir sama namun kebanyakan isu yang timbul berkaitan munakahat OKU pendengaran tidak sama dengan isu yang melibatkan orang normal. Golongan OKU pendengaran memerlukan penjelasan yang jelas dan terperinci dalam setiap hal yang berlaku di sekeliling mereka memandangkan keadaan mereka yang berbeza dengan orang normal. Tidak ramai pihak yang membuat kajian secara mendalam dan terperinci tentang isu-isu *munakahat* yang di alami oleh golongan OKU pendengaran.

Oleh itu, penulisan ini akan memberi penerangan tentang beberapa isu yang dihadapi oleh pasangan OKU pendengaran dalam hal berkaitan munakahat. Justeru, dalam penulisan ini terdapat lima isu dalam keadaan-keadaan yang berbeza berkaitan isu munakahat OKU pendengaran yang akan dibincangkan meliputi isu berkaitan akad nikah, mas kahwin, taklik dan cerai.

3. KAJIAN LITERATUR

Dalam sesebuah institusi keluarga, perkahwinan dan sistem kekeluargaan Islam haruslah di titikberatkan, kerana melaluinya, terbentuklah ummah yang akan melahirkan pelapis dan warisan yang mampu membangunkan institusi negara ke arah kemajuan yang seiring dengan negara-negara maju yang lain pada masa akan datang. Menurut Bernama (2016), Datuk Azizah Mohd Dun iaitu Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, sebanyak 48, 077 kes perceraian telah berlaku dalam kalangan pasangan yang beragama Islam sejak Januari hingga 10 Julai tahun 2017.

Dari segi bahasa, menurut Muhammad Qasim al-Ghazzi (1970), perkahwinan ialah himpunan, pengumpulan, percantuman, persetubuhan dan akad. Menurut Mat Saad Abd. Rahman (1993), dari segi istilah pula, perkahwinan merupakan satu akad yang menghalalkan pergaulan di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan muhrim dan menimbulkan hak serta kewajiban antara kedua-dua mereka. Mengikut syarak, perkahwinan bererti suatu akad yang menghalalkan pergaulan yang membatasi hak-hak kewajiban serta tolong-menolong antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang di antara keduanya bukan mahram, Sulaiman Rasjid (1988). Tuntasnya, perkahwinan merupakan satu akad yang menyatukan dan mengikat antara seorang lelaki dan seorang perempuan yang bukan muhrim untuk menghalalkan hubungan mereka.

Perkahwinan adalah suatu cara yang berfaedah bagi tujuan-tujuan sosial yang mulia dan menjamin lahirnya hubungan yang kukuh di antara anggota-anggota masyarakat (Taib Azamudin, & Aminah Zakaria, 1993). Selain itu, konsep perkahwinan dalam Islam turut menitik berat soal kesucian dalam hubungan dengan menekankan faktor penerusan zuriat yang halal (Rozumah Baharudin & Rumaya Juhari, 2002) bagi menjamin kebaikan sosial yang terjalin antara dua keluarga menerusi pertalian darah yang diredhai oleh Allah (Abdul Jalil Mohd Hassan, 1982).

Setiap manusia mempunyai keinginan untuk berpasangan tidak kira manusia normal mahupun kurang upaya. Orang kurang upaya atau OKU adalah seseorang yang mempunyai masalah dari segi anggota atau pancaindera mereka yang menyebabkan mereka sedikit berbeza dengan orang-orang normal. Namun, hak mereka tidak pernah dilupakan dalam Islam, malah mereka diberikan kelonggaran dalam kehidupan untuk beribadah mengikut kemampuan. Begitu juga dalam aspek perkahwinan, hak mereka tidak pernah diabaikan (Hussein et. al, 2019).

Sejak kebelakangan ini, pelbagai persoalan dan isu yang timbul berkaitan perkahwinan golongan OKU pendengaran dan kebanyakannya disebabkan oleh kaedah komunikasi yang digunakan oleh golongan ini iaitu bahasa isyarat. Para fuqaha sepakat menyatakan bahawa sebarang isyarat yang tidak boleh difahami atau tidak jelas daripada orang bisu tidak boleh diterima. Namun, jika isyarat yang diberikan itu datang daripada orang bisu yang mempelajari bahasa isyarat dan isyarat itu dapat difahami dengan jelas, maka ia diterima dalam akad perkahwinan (Ibn Nujaym, t.t.; al-Shirbini, t.t.; al-Mardawi, t.t.; Ibn Muflih, 1980). Malah, menurut Hussein 'Azeemi (2019), bagi pengantin yang boleh menulis, adalah lebih baik baginya untuk menulis berbanding dengan hanya menggunakan isyarat. Dia juga boleh menggunakan wakil untuk menyampaikan apa-apa yang ingin diperkatakan.

Penggunaan tulisan dalam hal berkaitan perkahwinan dilihat membantu golongan OKU pertuturan umumnya dan golongan OKU pendengaran khususnya berkomunikasi dengan orang ramai. Pilihan untuk menggunakan penulisan dapat mengelakkan salah faham dalam mentafsirkan bahasa isyarat dan melancarkan urusan-urusan rasmi seperti perkahwinan. Namun, penggunaan kaedah penulisan mungkin tidak terlalu efisien dan kondusif bagi golongan OKU pendengaran kerana mereka perlu membawa pen dan kertas ke mana sahaja bersama mereka. Kebanyakan OKU pendengaran lebih selesa menggunakan bahasa isyarat sebagai kaedah komunikasi secara harian dengan orang sekeliling.

4. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Bagi maksud tercapainya objektif kajian, penyelidik menggunakan dua sumber maklumat sebagai asas kepada kajian iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh daripada temu bual bersama ahli Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA) berkaitan isu-isu yang timbul berkaitan *munakahat* dalam kalangan OKU pendengaran. Data sekunder diperolehi dengan melakukan kajian perpustakaan. Antara bahan bacaan yang dirujuk adalah bahan-bahan yang berkaitan dengan zakat, kajian-kajian lepas, dalil daripada Al-Quran, dan bahan-bahan penulisan yang lain seperti junal dan artikel. Data yang diperoleh daripada sumber-sumber yang dinyatakan di

atas akan dihuraikan dan dibincangkan bagi mendapatkan kefahaman yang jelas tentang isu-isu munakahat dalam kalangan OKU pendengaran.

5. ISU MUNAKAHAT DALAM KALANGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) PENDENGARAN

5.1 Isu suami mengisyaratkan isyarat cerai tanpa mengetahui maksud

Dalam keadaan ini, suami mengisyaratkan isyarat cerai berulang kali kepada isterinya tanpa mengetahui maksud isyarat tersebut. Oleh yang demikian, suami perlulah mengetahui isyarat talak tersebut diisyaratkan dengan niat untuk berpisah dengan isteri atau tidak. Namun, terdapat situasi di mana suami dengan niat untuk bercerai sewaktu berlaku krisis rumahtangga mengisyaratkan isyarat cerai tanpa mengetahui maksud isyarat tersebut. Apabila keadaan suami isteri sudah kembali tenang, keduanya menjalankan kehidupan berumahtangga seperti biasa.

Jika isyarat talak yang dilakukan oleh suami dapat difahami maka talak tersebut adalah sah (Malik, Al-Gharnati, Al-Qurtubi, 1967). Terdapat dua jenis talak iaitu lafaz talak sarih dan lafaz talak kinayah. Talak sarih ialah lafaz talak yang menunjukkan talak secara jelas dan tidak dapat diandaikan kepada maksud lain (Zulkifli, 2011). Sebagai contoh lafaz sarih ialah “aku menceraikanmu” atau “aku lepaskan engkau”. Perkataan ‘cerai’ dan ‘lepaskan’ merupakan perkataan yang jelas menunjukkan bahawa suami ingin berpisah dengan isterinya dan menurut hukum ia adalah jatuh talak. Jenis talak yang kedua ialah lafaz talak kinayah atau lafaz yang tidak menunjukkan maksud talak secara jelas, boleh diandaikan dengan maksud yang lain selain talak (Zulkifli, 2011). Talak ini memerlukan kepada niat suami semasa melafazkan talak sama ada suami berniat untuk menceraikan isteri atau tidak.

Bagi suami yang terdiri daripada golongan OKU pendengaran, isyarat talak yang diisyaratkan adalah termasuk dalam kategori lafaz talak sarih kerana isyarat talak atau cerai yang diisyaratkan dianggap sama dengan lafaz sarih. Namun, sekiranya suami mengisyaratkan isyarat yang menunjukkan isyarat cerai secara kinayah seperti “pergi jauh dariku” atau “engkau haram bagiku”, maka isyarat tersebut memerlukan kepada niat suami untuk menceraikan isteri. Secara umumnya, hukum cerai menggunakan bahasa isyarat dan lafaz adalah sama dan ianya hanya akan sah sekiranya lafaz tersebut sarih atau kinayah berserta niat menceraikan isteri.

Berdasarkan hukum, sekiranya suami melafazkan talak kali ketiga, maka suami tidak boleh kembali kepada isterinya lagi dan jika suami masih hendak kembali kepada isterinya, maka hendaklah isteri tersebut menyempurnakan lima syarat (Mustafa, 1967) iaitu idah dengan suami telah tamat, bekas isteri berkahwin dengan lelaki biasa dengan akad nikah yang sah, disetubuhi oleh suaminya yang baharu, suami baharu itu telah menceraikannya atau meninggal dunia dan idah dengan suami baharunya telah tamat. Syarat-syarat ini juga perlu disempurnakan oleh orang normal sekiranya ingin kembali kepada isterinya setelah melafazkan talak tiga.

Lafaz talak adalah satu lafaz yang berat dan akan memberi kesan yang besar dalam sesebuah perkahwinan. Hal ini kerana dengan lafaz tersebut hubungan suami dan isteri terputus dan tidak boleh hidup bersama seperti pasangan suami isteri. Hubungan suami isteri tersebut menjadi seperti pasangan bukan mahram dan jika bersama atau bersetubuh maka ia dikira dosa berzina.

Bagi suami yang melafazkan cerai di luar Mahkamah Syariah, mereka perlu hadir ke mahkamah untuk mengesahkan perceraian di hadapan Hakim Mahkamah Syarie (Seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003). Mahkamah akan mengadakan siasatan ke atas pihak-pihak terlibat untuk mendapatkan fakta kes sebelum, semasa dan selepas talak dilafazkan. Hakim akan mendengar keterangan kedua-dua pihak suami dan juga isteri sebelum mengesahkan perceraian. Sebelum menentukan sama ada lafaz talak boleh disabitkan atau tidak, mahkamah terlebih dahulu akan mengenal pasti bentuk talak yang diucapkan oleh suami sama ada lafaz tersebut termasuk dalam lafaz sarih atau kinayah.

Sekiranya mahkamah berpendapat bahawa lafaz tersebut adalah sarih, maka niat tidak diperlukan. Manakala sekiranya lafaz tersebut adalah lafaz kinayah dan suami mengaku berniat untuk menceraikan isterinya semasa lafaz tersebut diucapkan, maka mahkamah akan mensabitkan lafaz tersebut dengan talak satu (Raihanah, 2000). Bagi perceraian OKU pendengaran, lafaz talak tersebut akan ditentukan melalui bahasa isyarat. Jika isyarat tersebut jelas dan difahami maka talak tersebut adalah sah dan diterima (Malik, t.t).

Bagi suami yang ingin kembali bersama isterinya selepas melafazkan talak, suami hendaklah merujuk kembali isteri dengan berkata kepada isterinya sebagai contoh dengan ayat seperti “Aku rujuk engkau ke pangkuanku”. Bagi suami OKU, boleh merujuk isterinya semula sama ada melalui tulisan, isyarat yang difahami atau tindakan yang menunjukkan dia ingin merujuk semula seperti memegang isterinya dengan bernafsu dan isterinya masih dalam tempoh iddah (Azman, 2016). Secara umumnya, cara rujuk antara orang normal dan golongan OKU pendengaran adalah sama. Tidak ada perbezaan atau keistimewaan di dalam hal rujuk ini kepada mana-mana golongan.

5.2 Suami menganggap isyarat cerai daripada isteri sebagai jatuh talak

Suami hendaklah memahami rukun dan syarat sah talak yang akan menjadikan lafaz talak itu sah. Talak membawa maksud memutuskan ikatan perkahwinan dengan lafaz talak (Mustafa, 1967) dan terdapat empat rukun talak iaitu suami yang baligh dan berakal, lafaz talak, isteri dan niat talak. Oleh sebab itu, lafaz atau isyarat talak daripada isteri adalah tidak sah dan tidak menjatuhkan talak ke atas suami.

Talak terbahagi kepada tiga jenis iaitu talak rajii talak bain sughra dan talak bain kubra. Talak rajii ialah talak boleh rujuk disebabkan isteri diceraikan dengan talak satu atau dua dan selepas berlaku persetubuhan dan masih dalam iddah (Mustafa, 1967). Hukum talak ini adalah suami boleh rujuk kembali isterinya dalam tempoh idah. Manakala bagi talak bain sughra pula ialah isteri yang diceraikan dengan talak satu atau dua sebelum berlaku persetubuhan.

Talak bain sughra juga boleh membawa maksud isteri yang diceraikan dengan talak satu atau dua selepas berlaku persetubuhan dan tempoh idahnya telah berakhir (Mustafa, 1967). Isteri yang diceraikan secara khuluq juga termasuk dalam kategori talak bain sughra dan hukum talak ini adalah suami tidak boleh rujuk kembali isterinya melainkan dengan akad nikah dan mas kahwin yang baharu. Jenis talak yang ketiga ialah talak bain kubra iaitu talak bagi isteri yang diceraikan dengan talak tiga sama ada sebelum atau selepas persetubuhan.

Berdasarkan situasi dalam isu ini, isteri tidak berhak melafazkan talak atau mengisytarkan cerai kepada suaminya kerana hak untuk menjatuhkan talak adalah hak milik suami. Hal ini kerana syarat sah talak adalah suami yang sah kepada isteri, baligh, melafazkan talak tersebut dengan rela hati tanpa dipaksa dan waras. Justeru, lafaz atau isyarat talak daripada isteri adalah tidak memberi apa-apa kesan ke atas perkahwinan.

5.3 Taklik secara isyarat tanpa kefahaman mendalam

Taklik ialah suatu ikrar yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam sesebuah negeri yang dibaca oleh suami sebaik sahaja selepas akad nikah selesai dilakukan (JAKIM, 2018). Ikrar tersebut mengikat janji suami kepada isteri untuk tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan dan penganiayaan kepada isteri (JAKIM, 2018). Tujuan lafaz taklik adalah untuk menjaga kebajikan isteri sepanjang hidup bersama suami dan menjadi peringatan kepada suami tentang tanggungjawab dan hak isteri. Lafaz taklik juga membolehkan isteri memohon pembubaran perkahwinan sekiranya suami melanggar taklik yang dilafazkan selepas akad nikah tersebut.

Lafaz taklik di setiap negeri adalah berbeza sebagai contoh lafaz taklik di Negeri Sembilan yang mengikat suami dengan janji sekiranya dia gagal untuk memberikan nafkah kepada isterinya

selama tempoh empat bulan berturut-turut atau hilang tanpa khabar berita sama ada hidup atau mati atau suami didapati telah mencederakan isteri maka akan jatuh talak satu tanpa memerlukan kepada lafaz talak daripada suami.

Taklik biasanya dibaca selepas akad nikah secara lisan, namun membaca lafaz taklik secara isyarat bagi golongan OKU pendengaran adalah sah selagi jelas dan boleh difahami maksudnya. Kesan lafaz taklik menggunakan bahasa isyarat adalah sama seperti lafaz taklik secara lisan dan lafaz tersebut akan berkuatkuasa sepanjang tempoh perkahwinan suami isteri. Taklik memberikan implikasi terhadap perkahwinan seperti lafaz taklik tidak boleh ditarik balik dan talak tidak akan jatuh selagi perkara yang dilafazkan tidak berlaku.

Pelanggaran syarat taklik oleh suami tidak mengakibatkan gugurnya talak secara terus selagi mana isteri tidak membuat aduan ke Mahkamah Syariah. Sekiranya pelanggaran taklik berlaku, isteri boleh membuat aduan dan permohonan perceraian di bawah taklik di Mahkamah Syariah. Jika benar seperti mana aduan isteri (Seksyen 50 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003), mahkamah akan mensabitkan suami telah melanggar lafaz taklik dan talak akan gugur mengikut lafaz taklik yang telah dibaca oleh suami selepas akad nikah.

5.4 Tidak memahami lafaz nikah

Segelintir golongan OKU pendengaran yang tidak memahami lafaz nikah dalam erti kata yang sebenar. Mereka hanya memahami nama suami dan nama isteri sahaja tetapi kesucian ijab kabul tersebut tidak difahami dengan sebetulnya. Maksud nikah ialah akad yang mengharuskan hubungan suami isteri yang dibenarkan oleh syarak (Mustafa, 1967). Akad nikah boleh dilafazkan dalam pelbagai bahasa seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Arab, Bahasa Urdu atau sebagainya. Bagi golongan OKU pendengaran, lafaz akad nikah boleh dilakukan dalam bahasa isyarat selagi mana isyarat tersebut difahami maksudnya.

Akad perkahwinan dibina berdasarkan konsep berlapang dada yang berbeza dengan akad jual beli yang dibina berdasarkan konsep persetujuan dan keredaan. Jika pengantin bersetuju dengan kecacatan atau kekurangan yang ada pada pasangan mereka, maka akad perkahwinan tersebut sah di sisi syarak.

Terdapat lima rukun nikah iaitu lafaz akad nikah, isteri, suami, wali dan dua orang saksi. Dalam lafaz akad nikah terdapat dua lafaz iaitu ijab yang bermaksud lafaz yang diucapkan oleh wali dan qabul yang bermaksud lafaz yang diucapkan oleh bakal suami sebagai tanda menerima pengantin perempuan sebagai isterinya dengan restu wali.

Wali bermaksud orang lelaki yang diberikan hak kekuasaan oleh syarak untuk mengijab qabulkan jagaannya dalam perkahwinan. Orang yang berhak menjadi wali adalah bapa, datuk, saudara lelaki seibu sebapa, saudara lelaki sebapa, anak saudara lelaki seibu sebapa, anak saudara lelaki sebapa, bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa, bapa saudara sebelah bapa sebapa, anak lelaki bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa, anak lelaki bapa saudara sebelah bapa sebapa, semua lelaki yang mewarisi harta secara asabah dan kadi. Orang yang layak menjadi wali adalah berdasarkan urutan tersebut sebagaimana yang telah ditetapkan dan hak tersebut tidak boleh diberikan kepada wali lain selagi mana wali yang teratas dan layak masih hidup.

Lafaz akad nikah menggunakan bahasa isyarat bagi golongan OKU pendengaran adalah dibolehkan dengan syarat isyarat tersebut difahami dengan jelas. Namun, sekiranya lafaz ijab qabul tidak jelas dan tidak difahami maka lafaz akad nikah tersebut tidak sah. Suami OKU pendengaran perlu memahami lafaz akad nikah dan kesan lafaz tersebut sebelum majlis akad nikah dilangsungkan.

5.5 Tuntutan mas kahwin selepas bercerai oleh suami

Mas kahwin ialah pemberian wang atau benda bernilai yang wajib diberikan oleh suami kepada isterinya dengan sebab akad perkahwinan (Mustafa, 1967). Kadar mas kahwin telah ditetapkan oleh beberapa buah negeri dan terdapat negeri yang tidak menetapkan kadar mas kahwin. Bagi Negeri Sembilan, kadar mas kahwin untuk anak dara adalah bernilai RM200. Bagi negeri yang tiada ditetapkan kadar, maka nilainya harus ditentukan oleh ahli keluarga pihak perempuan melalui rundingan yang dipersetujui bersama.

Namun yang menjadi persoalan adalah apabila suami OKU pendengaran ingin menuntut kembali mas kahwin yang diberikan kepada bekas isterinya selepas dia menceraikan bekas isterinya. Terdapat beberapa keadaan yang membolehkan suami menuntut keseluruhan mas kahwin iaitu apabila perpisahan berlaku sebelum persetubuhan disebabkan oleh isteri contohnya isteri murtad atau isteri membubarkan perkahwinan melalui fasakh disebabkan terdapat keaiban pada suami atau suami membatalkan perkahwinan disebabkan terdapat keaiban pada isteri.

Manakala dalam keadaan tertentu suami hanya berhak menuntut setengah daripada mas kahwin atau langsung tidak mempunyai hak untuk mendapatkan kembali mas kahwin tersebut. Bagi suami isteri bercerai sebelum berlaku persetubuhan, suami berhak menuntut separuh daripada mas kahwin yang telah diberikan dan keadaan suami tidak boleh menuntut mas kahwin iaitu apabila suami telah bersetubuh dengan isteri.

Suami tidak boleh menggunakan atau mengambil manfaat daripada mas kahwin yang diberikan kepada isteri jika tidak mendapat kerelaan dan kebenaran isteri kerana mas kahwin merupakan hak milik isteri yang telah diisytiharkan oleh Allah dalam Al-Quran. Hukum suami menggunakan mas kahwin yang diberikan kepada isteri selepas akad nikah adalah haram menurut syarak. Namun, jika isteri merelakan atau memberi kebenaran kepada suami untuk menggunakannya maka hukum tersebut adalah harus.

6. RUMUSAN DAN CADANGAN

Isu munakahat tidak hanya timbul dalam perkahwinan orang normal malahan hal tersebut dihadapi oleh semua golongan. Perkahwinan OKU dengan perkahwinan orang normal hampir sama namun disebabkan perbezaan keadaan dan kekurangan yang dihadapi oleh golongan OKU pendengaran menjadikan isu mereka memerlukan kepada penelitian yang lebih mendalam.

Memandangkan kebanyakan isu yang timbul berkaitan munakahat OKU pendengaran tidak sama dengan isu munakahat orang normal, terdapat beberapa cadangan untuk membantu golongan ini memahami perkara-perkara asas berkaitan ilmu perkahwinan dan rumah tangga sebagai contoh penganjuran kursus perkahwinan yang khusus buat golongan ini dengan bersumberkan rujukan modul yang tersusun. Inisiatif ini akan lebih berkesan berbanding kursus perkahwinan umum yang dibuat secara bersama dengan golongan normal. Selain itu, penelitian isu-isu berkaitan golongan OKU dalam aspek lain seperti muamalat, jenayah dan lain-lain boleh juga di kaji secara lebih terperinci. Hal ini bagi membantu memudahkan golongan OKU memahami hukum dan pandangan-pandangan yang berkaitan dengan situasi mereka. Tambahan pula, tindakan ini dapat membantu membuang stigma negatif golongan OKU yang merasa diri mereka disisihkan oleh masyarakat.

7. PENGHARGAAN

Penyelidik mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Skim Geran Pembangunan Kementerian Pengajian Tinggi, dengan tajuk Pembangunan Model Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Dalam Konteks Malaysia Baharu, Kod Penyelidikan:

USIM/FRGS/FSU/055002/50519. Penyelidik juga merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

RUJUKAN

Al-Quran

Abdul Jalil Mohd Hassan (1982). *The Islamic Concept of Marriage, Islamika II*. Kuala Lumpur: Jabatan pengajian islam universiti Malaya Hal 254

Al-Gharnati, Muhammad bin Ahmad bin Jazi al-Kalbi Al-Gharnati (t.t.). *Al-Qawanin al-Fiqhiyyah fi Talkhis Madhhab al-Malikiyyah*

Al-Mardawi, ‘Ala’ al-Din Abu al-Hasan ‘Ali bin Sulayman. (1980). *Al-Insaf fo Ma’rifah al-Rajib min al-Khilaf ‘ala Madhhab al-Imam*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Al-Qurtubi, Abu ‘Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr bin Farh al-Qurtubi al-Mansari al-Khazraji (t.t.). *Al-Jami’ li Ahkam Al-Quran*. t.tp.

Al-Shirbini, Muhammad Khatib al-Shirbini. (n.d.). *Mughni al-Muhtaj ila Ma’rifah Ma’ani Alfaz al-Minhaj a’la Matn Minhaj al-Talibin al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Fikr.

Azman Ab Rahman, Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Mohammad Naqib Hamdan. (2016). *Fiqh Munakahat Orang Kelainan Upaya (OKU)*. Penerbit USIM.

Bername. (2016, November 14). 48,077 pasangan Islam bercerai tahun ini. Retrieved from Utusan Online: <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/48-077-pasangan-islam-bercerai-tahun-ini-1.407505>

Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2011). *Naskah Buat Pengantin – Kekeluargaan Islam Dalam Fiqh Syafi’i*. Darul Syakir Enterprise

Dr. Mustafa Bugha. (1967). *Fiqh Manhaji li Imam Al-Shafie*. Jilid 1. Dar Al-Qalm: Damsyik

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003. Laman Sesawang Rasmi Jabatan Agama Islam Selangor. <http://ncr.jais.gov.my/index.php/dashboard/pengenalanRuju>. diakses pada 18 September 2019

Ibn Muflih, Abu Ishaq Ibrahim Bin Muhammad Bin ‘Abdullah Bin Muflih al-Hanbali. (1979). *Al-Mubdi’ fi Sharh al-Muqni’*. Beirut: al-Maktab al-Islami.

Ibn Nujaym, Zayn al-‘Abidin bin Ibarhim bin Muhammad bin Muhammad. (n.d.). *Al-Bahr al-Ra’iq Sharh Kanz al-Daqa’iq*. Dar al-Kitab al-Islami li Ihya’ wa Nashr al-Turath al-Islami.

Malik, Malik bin Anas (t.t.). *Al-Mudawwanah al-Kubra*. Beirut: Dar Sadir

Mat Saad Abd Rahman. (1993). *Undang-undang Jenayah Islam : jenayah hudud*. Shah Alam: Penerbit Hizbi.

Modul Bersepadu Kursus Perkahwinan Islam. (2018). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya, Malaysia.

- Muhammad Qasim al-Ghazzi. (1970). *Sharh Fath al-Qarib al-Mujib 'Ala al-Kitab*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Mukhtar bin Abdullah. (2015). *Suami Isteri Hak dan Obligasi Dari Sudut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Terengganu.
- Raihanah Hj Abdullah. (2000). *Talaq Tiga: Analisis Terhadap Penghakiman Mahkamah Syariah*. Jurnal Syariah 8(2)
- Rozumah Baharudin & Rumaya Juhari (2002). *Pengantar Perkahwinan Dan Keluarga*. Serdang: University Putra Malaysia.
- Sulaiman Rasjid. (1988). *Fiqh Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taib Azamuddin, & Aminah Zakaria (1993). *Pengenalan Hukun Nikah Kahwin*. Pustaka Haji Abdul Majid & Pustaka Hamduna: Kuala Lumpur.